



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	10/7/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	-			

Sinar, 10 Jul
2021_3

Bekalan musang king Raub tak terjejas

Kebanyakan gerai menjual musang king beroperasi dengan stok mencukupi

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

RAUB

Bekalan durian musang king tidak terjejas biarpun beberapa lokasi penanaman raja buah itu di Raub, Pahang dimusnahkan pihak berkuasa kerana ditanam secara haram.

Tinjauan *Sinar Harian* di daerah yang terkenal dengan kualiti buah musang king terbaik di negara ini mendapati bekalan raja buah setakat ini masih banyak.

Malah, ada kemungkinan berlaku lambakan raja buah itu ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Pemilik Tong Brothers Fruit Trading, Tong Kim Fak berkata, perniagaan buah durian agak perlahan ketika ini ekoran peraih buah terutama dari Lembah Klang gagal keluar daerah.

Dia yang berniaga raja buah itu selama hampir 30 tahun berkata, sejak kembali membuka perniagaan pada awal bulan lalu setelah buah mula luruh, hasil penjualan adalah berkurangan.



Kim Fak memajikkan durian musang king bersaiz besar di prenis Tong Brothers Fruit Trading di Kampung Sang Lee, Raub.



"Saya ambil alih perniagaan durian musang king ini daripada bapa dan kami di Tong Brothers Fruit Trading mempunyai kebun sendiri bagi menanam durian jenis ini dan D24. Selain itu, kami juga membeli durian daripada penduduk kampung.

"Kebun durian kami tidak berada di dalam kawasan larangan. Ditanam di beberapa tempat di sekitar Raub.

"Jadi bekalan buah di Tong Brothers Fruit Trading adalah banyak dan tidak berlaku kekurangan stok.

"Tetapi saya berasa sedikit risau kerana pemborong dari luar tidak dapat datang ke sini untuk mengambil buah," katanya kepada *Sinar Harian* baru-baru ini.

Sementara itu, seorang peraih buah durian dari Selayang, Selangor, Azhar Razali berkata, dia bersedih baik kerana mempunyai surat kebenaran merentas daerah sekali gus membolehkannya mengambil bekalan musang king dan D24 di Tong Brothers Fruit Trading.

Menurutnya, dalam keadaan PKP ini dia mengambil musang king dan D24 sekitar 40 bakul sehari.

"Daripada 40 bakul itu, sebanyak 25 bakul saya jual dengan harga peraih dan selebihnya saya jual dengan harga yang sangat berpatutan.

"Saya jual dengan harga sangat murah supaya semua orang dapat merasa nikmat musang king dari Raub yang sangat dikenali ramai," katanya.